

18.3.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

MBPP BERTANGGUNGJAWAB UNTUK SELESAIKAN ISU PEMOTONGAN BEKALAN AIR DALAM PREMIS MBPP

- **MBPP bertanggungjawab kerana penyewa MBPP tidak menjelaskan bil-bil tertunggak untuk bekalan air di premis MBPP.**
- **PBAPP memotong dan menyambung semula bekalan air mengikut peruntukan undang-undang Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).**
- **Peraturan pemotongan dan penyambungan semula bekalan air adalah standard dan terpakai kepada semua pengguna air di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Isnin, 18.3.2019: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu bil air tertunggak yang ditanggung oleh penyewa-penyewa penjaja sebelum mengharapakan meter air yang dipotong dipasang semula di premisnya.

MBPP bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu ini kerana:

1. MBPP memiliki ruang penjaja dan melaksanakan skim sewaan. Pengguna air yang ingkar adalah penyewa MBPP.
2. Bekalan air disediakan untuk penyewa yang menjalankan perniagaan di premis MBPP berdasarkan kelulusan penyewaan dari MBPP.
3. Lokasi meter air yang dipotong adalah dalam premis MBPP, dan bukannya rumah penjaja-penjaja itu.



4. MBPP menandatangani perjanjian dengan penyewa dan mengutip deposit sewa.

Dalam laporan berita baru-baru ini (StarMetro, 13.3.2019), Ahli Majlis MBPP Wong Yuee Harng dipetik sebagai berkata “penyewa baru ruang penaja yang disediakan oleh MBPP tidak harus dipaksa untuk membayar bil-bil air penyewa lama yang tertunggak.”

Kenyataan ini adalah salah dan mengelirukan.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) tidak boleh memaksa mana-mana penyewa MBPP untuk menyelesaikan bil air dari penyewa MBPP yang ingkar.

Bagaimanapun, jika bekalan air ke mana-mana premis telah dipotong disebabkan bil-bil air tertunggak, PBAPP berhak untuk menyambung semula bekalan hanya selepas masalah pengebilan diselesaikan.

PBAPP Bertindak Mengikut Peruntukan Undang-undang

Sebagai operator air berlesen, PBAPP membekalkan air di Pulau Pinang mengikut peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).

Seksyen-seksyen berikut Akta ini terpakai dalam kes-kes MBPP:

- Seksyen 37(2)(e): “Tiada lesen pengagihan air boleh dikehendaki untuk membekalkan air ke mana-mana premis jika pembekalan air pernah dipotong sebelum ini disebabkan oleh pelanggaran Akta ini atau perundangan subsidiarinya.”
- Seksyen 89(1): “Pemegang lesen pengagihan air boleh memotong bekalan air kepada seorang pengguna dengan menutup paip air perkhidmatan atau memberhentikan bekalan air termasuk hak untuk mengurangkan bekalan air atau tekanan bekalan air.”
- Seksyen 89(2)(a): “Pemegang lesen pengagihan air boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) jika pemilik, perbadanan pengurusan, penghuni atau pengguna tidak menjelaskan amaun bagi air yang telah dibekalkan; dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil.”



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



PBAPP mengikuti undang-undang, bukan hanya dalam layanan kepada MBPP, tetapi dalam melayani 616,082 pengguna air domestik dan perniagaan berdaftar di seluruh Negeri Pulau Pinang. Peraturan yang sama digunakan untuk semua pengguna.

Sejauh mana penyambungan semula bekalan air berkenaan, caj RM35.00 bagi setiap penyambungan semula boleh digunakan, mengikut peraturan Persekutuan berikut:

- Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air & Pemasangan Paip) 2014; dan
- Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi & Caj Perkhidmatan Air) 2014.

Bil-bil air tertunggak dan caj penyambungan semula boleh dibayar oleh sesiapa sahaja, sama ada pemilik rumah, penyewa, tuan-tuan tanah, perniagaan atau organisasi kerajaan.

Ia boleh dibayar oleh satu pihak atau kedua-dua pihak yang terlibat dalam transaksi jualan atau sewaan hartanah.

Dalam kes MBPP, MBPP mempunyai pilihan untuk menyelesaikan semua tunggakan bil dan caj penyambungan semula dari penyewa terdahulu. PBAPP akan menyambung semula bekalan air dalam tempoh 24-48 jam selepas menerima bayaran penuh.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my